



Perpustakaan  
Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100033047

LI 7 FPE 1 2003



1100033047

Laporan akhir latihan industri di Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) / Mohd Hariff Hisyam Che Mod.



PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100033047

PUSAT PENGETAHUAN DIGITAL SULTANAH ZAHARA

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LI  
7  
FPE  
1  
2003

PUSAT PEMBELAJARAN  
SULTAN NUR ZAHIRAH

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berdasarkan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri di matakuliah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU  
(MPKB)**

**Disediakan Oleh :**  
**MOHD HARIFF HISYAM BIN CHE MOD**  
**Sarjana Muda Pengurusan**  
**( Polisi Dan Sekitaran Sosial )**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada  
Jabatan Ekologi Sosial  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)

**2003**

**1100033047**

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Mohd Hariff Hisyam Bin Che Mod

mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

Nama: Mohd Hariff Hisyam Bin Che Mod

Tarikh: 1 Oktober 2003

**Disahkan Oleh:**

**RUZAINI SULAIMAN @ ABDUL RAHIM**

Pensyarah

Jabatan Pengajian Am  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sultan Darul Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)  
Mangabang Telipot  
21030 Kuala Terengganu.

**Penyelia KUSTEM**  
**b / p Pengurus Latihan Industri**  
**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**  
**KUSTEM**

## **DEDICATION**

*Ditujukan khas juga buat insan yang disayangi Ayah dan Bonda  
Che Mod B. Awang Soh dan Hanifah Bt. Yaacob,  
Kakak, abang serta adik-adik dan  
Tidak lupa juga buat rakan-rakan seperjuangan,  
Dan insan-insan yang mengenali diri ini.*

Terima kasih atas segala pengorbanan dan dorongan yang diberikan selama ini.....

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

## PENGHARGAAN

Salam sejahtera saya ucapkan kepada Puan Ruzaini Binti Sulaiman @ ABD. Rahim selaku Penyelia Fakulti dan Penyelia Organisasi iaitu Tuan Haji Samsudin Bin Mamat dan kakitangan MPKB serta rakan-rakan sekalian.

Alhamdulillah, serta dengan izin-Nya, maka dapatlah saya menyiapkan laporan latihan industri ini. Latihan industri ini dijalankan di Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) yang bermula 10 Mac 2003 hingga 31 Mei 2003 iaitu selama 12 minggu.

Terima kasih saya ucapkan kepada penyelia dan pembantu penyelia organisasi yang telah banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar kepada saya dalam usaha untuk menyiapkan laporan ini. Tidak dilupakan juga kepada kakitangan MPKB amnya dan kakitangan Jabatan Sumber Manusia khususnya yang telah banyak membantu saya sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung.

Saya harap laporan ini dapat dijadikan sebagai panduan dan bahan rujukan kepada semua pihak serta memperolehi sedikit pengetahuan mengenai Majlis Perbandaran Kota Bharu dan aktiviti atau program latihan praktikal (industri). Akhir kata, segala kelemahan yang terdapat didalam laporan saya ini adalah datang daripada diri saya sendiri sebagai hamba-Nya yang lemah serta yang baik dan berkualiti itu adalah datangnya daripada petunjuk Allah S.W.T Yang Maha Berkuasa keatas segalanya. Wasallam.

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) merupakan salah satu agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk membangunkan dan memajukan kawasan disekitar Bandar Kota Bharu khususnya dan Negeri Kelantan amnya. Lembaga Bandaran Kota Bharu telah ditubuhkan pada 1903 dan dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) pada tahun 1978. Kawasan tadbiran MPKB adalah meliputi 115.64 km persegi. Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) diketuai oleh seorang Yang Dipertua dan seorang Timbalan Yang Dipertua dan dibantu oleh seorang setiausaha. Terdapat tujuh sektor, dua puluh satu jabatan dan tiga bahagian serta satu unit dalam pentadbiran organisasi MPKB.

Secara amnya, fungsi Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) adalah untuk merancang, melaksanakan dan melengkapkan kemudahan kepada penghuni atau orang ramai disekitar Kota Bharu serta infrastruktur, sistem perparitan dan lain-lain lagi. Skop laporan saya ini ialah tertumpu kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu amnya dan Jabatan Sumber Manusia khasnya. Selama 8 minggu saya menjalani latihan industri di MPKB, saya telah didedahkan kepada persekitaran dan suasana tempat kerja yang sebenar. Sebagai contoh, memasukkan data dan mengemaskinikan maklumat dan melaksanakan tugas rutin bahagian pentadbiran.

Daripada pemerhatian saya pihak majlis perlu menyegerakan kerja-kerja yang berkaitan agar dapat mengekalkan serta menambahkan kepercayaan penduduk terhadapnya. Pihak MPKB juga perlu menyemai dan menyerapkan nilai-nilai korporat kepada semua kakitangan sama ada atasan ataupun sokongan.

Adalah diharapkan laporan industri ini, dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada semua pihak terutamanya pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu kearah meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan sebagai penghargaan saya kepada pihak Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB).